

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN AHMAD BIN HASSAN (PAPAR)

TARIKH : 6 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

YB TUAN AHMAD BIN HASSAN (PAPAR) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci mekanisme pengesahan kematian bagi Bantuan Khas Pengurusan Kematian COVID-19 yang dikendalikan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), dan jaminan mekanisme tersebut terhadap keberkesanan penyaluran bantuan buat mereka yang layak.

JAWAPAN

**YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Agensi Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Perdana Menteri (NADMA, JPM) hanya menerima pakai pengesahan kematian berkaitan COVID-19 daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Putrajaya sahaja sebagai semakan, verifikasi tunggal dan pengesahan sebelum sebarang kelulusan Bantuan Khas Pengurusan Kematian COVID-19 diberikan kepada permohonan pertama yang lengkap diterima.
2. Pemohon (waris) perlu mengemukakan lima dokumen iaitu borang permohonan yang disahkan oleh hospital yang memaklumkan kematian berkaitan COVID-19, salinan sijil kematian, salinan kad pengenalan si

mati, salinan kad pengenalan waris, dan salinan penyata bank waris. Pengecualian pengesahan hospital diberikan secara automatik bagi pemohon yang tidak dapat memperolehi pengesahan hospital kerana verifikasi pegesahan kematian berkaitan COVID-19 adalah daripada KKM Putrajaya. NADMA juga menerima pakai apa sahaja dokumen kematian seperti permit pengebumian kerana memahami kesukaran mendapatkan Sijil Kematian akibat operasi Jabatan Pendaftaran Negara yang terhad sewaktu PKP.

3. Pemohon boleh menghantar permohonan yang lengkap melalui pos / emel bkcovid19@nadma.gov.my atau Whatsapp ke nombor 011-13218056. NADMA akan menyemak kelayakan, memastikan bukan permohonan berulang serta membuat semakan dan verifikasi kematian berkaitan COVID-19 dengan KKM Putrajaya.

4. NADMA, memproses permohonan, memuatnaik status TERIMA di portal semakan laman sesawang NADMA, membuat perakuan, menyediakan baucar bayaran dan memuatnaik status LULUS di portal semakan di laman sesawang NADMA. Bayaran bantuan akan dibuat secara pemindahan elektronik ke akaun pemohon. Keseluruhan proses akan mengambil masa 30 hari bekerja tertakluk kepada semakan, verifikasi dan pengesahan data kematian COVID-19.

5. Dengan bilangan Sekretariat Bantuan Khas COVID-19 yang sedia ada serta bilangan peningkatan permohonan, setakat ini proses tersebut didapati masih teratur dan terkawal. Sekiranya terdapat keperluan untuk mempercepatkan bayaran, kelulusan khas dan prosedur kewangan dan pembayaran perlu dilihat semula bagi memenuhi ekspektasi pelanggan. Penanda arasan dengan sistem bantuan mySalam juga dapat memberikan gambaran perbandingan bagi tujuan ini.

Sekian, terima kasih.